



**PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

TEKS UCAPAN

**YB DR. ZALIHA MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

SEMPENA

**SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2025
BERSAMA WARGA WP LABUAN**

10 OGOS 2024

**GRAND BALLROOM
HOTEL TIARA, LABUAN**

Terima kasih pengacara majlis.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الحمد لله رب العالمين، والصلاة والسلام على سيدنا
محمد أشرف المرسلين، وعلى آله وصحبه أجمعين

SALUTASI AKAN DISEDIAKAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya dapat kita bersama-sama pada malam ini dalam Sesi Libat Urus bagi Inisiatif Belanjawan 2025 peringkat Wilayah Persekutuan Labuan.
2. Saya zahirkan ucapan terima kasih tidak terhingga kepada tuan-tuan dan puan-puan yang hadir ke sesi libat urus ini. Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan ke sesi ini merupakan manifestasi sokongan terhadap usaha pihak Kerajaan untuk merangka Belanjawan 2025 yang lebih inklusif dan menyeluruh.

CABARAN EKONOMI GLOBAL DAN KEJAYAAN MALAYSIA MENGHADAPI CABARAN TERSEBUT

Para hadirin sekalian,

3. Kita semua sedia maklum bahawa tahun 2024 telah menyaksikan pelbagai cabaran ekonomi di peringkat global. Konflik geopolitik yang berterusan, ketegangan perdagangan dan krisis perubahan iklim serba sedikit memberi kesan kepada kestabilan ekonomi dunia.
4. Menurut satu kajian yang dijalankan oleh Maybank Investment Bank penghujung tahun lalu menjangkakan pertumbuhan ekonomi global bergerak perlahan pada tahun 2024 ini kepada sekitar 2.8 peratus sahaja jika dibandingkan dengan pertumbuhan sebanyak 3.3 peratus pada tahun 2023.
5. Malaysia tidak terkecuali daripada menerima tempiasnya. Namun, di sebalik semua cabaran ini, Malaysia telah menunjukkan daya tahan yang kuat dan terus berdiri teguh dalam mengharungi cabaran ekonomi global.
6. Alhamdulillah, indikator ekonomi Malaysia telah menunjukkan tren mengukuh hasil ketekunan pelaksanaan Dasar Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat yang telah diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri pada tahun lalu.

7. Sebagai contoh, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Benar atau *Real GDP* Malaysia mencatatkan unjuran sebanyak 5.8% pada suku kedua tahun ini dibandingkan hanya 2.8% pada suku yang sama tahun lalu.
8. Begitu juga kadar inflasi, yang mana sekarang mencatatkan hanya 1.8% sahaja bagi bulan Januari hingga Jun tahun ini berbanding 3.2% tempoh yang sama tahun lalu. Kadar pengangguran pula menurun dari 3.5% ke 3.3% pada suku pertama tahun ini.
9. Di samping angka-angka ekonomi ini, Kerajaan MADANI terus menyediakan inisiatif-inisiatif untuk meningkatkan darjat hidup rakyat Malaysia. Sebagai contoh, dalam tempoh Januari hingga Jun tahun ini sahaja, Kerajaan telah membelanjakan sejumlah RM 3.6 bilion bagi Sumbangan Tunai Rahmah yang memberi manfaat kepada 8.5 juta penerima, Sumbangan Asas Rahmah sebanyak RM 282 juta kepada 700 ribu penerima dan banyak lagi.

PUJI SEBAGAI USAHA KERAJAAN MENGELUARKAN RAKYAT DARI KEPOMPONG MISKIN TEGAR

Para hadirin sekalian,

10. Di Wilayah Persekutuan, seperti semua sedia maklum, saya telah memperkenalkan satu *flagship program* iaitu Program Usaha Jaya Insan atau PUJI yang memberi penekanan kepada peningkatan darjat hidup rakyat melalui pembasmian miskin tegar serta membantu mereka keluar dari kepompong kemiskinan tegar.

11. Satu *success story* PUJI yang ingin saya kongsi. Salah seorang peserta kursus latihan keusahawanan dan kemahiran di bawah Upaya @ PUJI anjuran Jabatan Wilayah Persekutuan di Labuan iaitu Puan Hayati Yahya dari Kampung Sungai Pagar. Sebelum ini beliau adalah seorang suri rumah. Setelah tamat kursus, beliau telah memulakan perniagaan ikan tempura sejuk beku dan sambal bilis rangup untuk menambah pendapatan keluarga. Alhamdulillah, kini beliau memperoleh pendapatan bulanan purata di antara RM 3,000.00 ke RM 5,000.00 sebulan melalui perniagaan secara *online* dan COD.
12. Inilah contoh usaha kami di Jabatan Wilayah Persekutuan untuk membantu dan mendaya upayakan rakyat Wilayah Persekutuan yang produktif untuk keluar dari kepompong kemiskinan.
13. Selain daripada PUJI, pelbagai lagi komitmen Kerajaan MADANI untuk meningkatkan lantai dengan bertujuan untuk terus mengangkat darjat hidup rakyat terbanyak serta terus meningkatkan siling dengan memberi fokus untuk menjadikan Malaysia sebagai peneraju ekonomi Asia.

SETIAP MAKLUM BALAS AKAN DITELITI UNTUK BELANJAWAN 2025

Para hadirin sekalian,

14. Untuk menjayakan Kerangka Ekonomi MADANI ini dengan lebih tuntas, pendekatan seluruh Malaysia atau *all-of-Malaysia approach* dengan penglibatan yang jitu daripada pihak Kerajaan, industri, swasta, NGO dan juga rakyat.
15. Justeru, untuk memastikan Belanjawan 2025 yang akan datang ini benar-benar memenuhi keperluan rakyat, penglibatan awam seperti yang dilaksanakan pada malam ini adalah amat penting.
16. Seperti yang saya selalu sebut, Labuan menyumbang kepada KDNK per kapita kedua tertinggi di Malaysia selepas Kuala Lumpur. Namun, limpahan ekonomi tersebut tidak dirasai sepenuhnya oleh rakyat Labuan.
17. Sehubungan itu, saya kira suara penduduk Labuan amat penting untuk saya bawa agar aspirasi tersebut terus sampai ke perhatian Jemaah Menteri dan seterusnya diangkat sebagai salah satu inisiatif Belanjawan bagi tahun 2025 nanti.
18. Saya menyeru kepada semua yang hadir untuk berkongsi sebanyak mungkin pandangan dan cadangan. Setiap maklum balas yang diterima akan dipertimbangkan dengan teliti bagi memastikan Belanjawan 2025 ini dapat memenuhi aspirasi dan keperluan semua rakyat Malaysia.

PENUTUP

Para hadirin sekalian,

19. Saya tidak berhasrat untuk berucap panjang sebaliknya ingin mendengar idea dan cadangan dari semua. Akhir kata, saya yakin dengan usaha dan kerjasama semua pihak, Malaysia yang kita cintai ini akan terus maju dan mencapai kedudukan yang tinggi di persada dunia tanpa kita meminggirkan kepentingan dan keperluan sosio ekonomi rakyat.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.